

05/06/1998

Cadang MT gantung tugas Waad

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Khamis - Ahli Exco Negeri Sembilan, Datuk Waad Mansor yang menghadapi lima tuduhan rasuah, akan dicadangkan supaya digantung daripada tugas sebagai ahli Exco dan Ketua Bahagian Umno Bahagian Tampin.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin hari ini turut memutuskan, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, yang kini bercuti, perlu menemui Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi menerangkan mengenai hartanya sebelum tindakan selanjutnya diambil.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata mesyuarat hari ini memutuskan akan mencadangkan kepada Majlis Tertinggi (MT) supaya Waad digantung sebagai ketua bahagian dan ahli Exco Kerajaan Negeri Sembilan.

Waad, 41, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pendidikan, Penerangan dan Sumber Manusia Negeri mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Seremban, terhadap lima tuduhan rasuah menggunakan kedudukan awamnya untuk faedah dirinya.

Dia dibebaskan dengan jaminan sejumlah RM260,000 dengan dua penjamin manakala pasport antarabangsa dan pasport terhadapnya diserahkan kepada mahkamah sementara menanti kes itu disebut di Mahkamah Tinggi Seremban 22 Jun.

Bagi kes Muhammad, Sabbaruddin berkata buat masa ini bekas Menteri Besar Selangor itu masih dianggap sedang bercuti sehinggalah beliau bertemu Perdana Menteri menjelaskan kedudukan sebenarnya aset yang dimilikinya, "Seperti yang dilaporkan (media massa), bahawa beliau sudah dilepaskan dari segi tuduhan membawa duit secara haram ke Australia, tetapi sekarang (ketika perbicaraan di Brisbane) ada disebut mengenai harta.

"Maka mesyuarat hari ini memutuskan untuk memberi peluang kepada beliau untuk menerangkan mengenai hartanya kepada Presiden, sebelum tindakan seterusnya diambil," katanya.

Jumaat lalu, Muhammad dibebaskan oleh Mahkamah Daerah Brisbane daripada dua tuduhan membuat perisytiharan palsu mengenai wang yang dibawanya ketika memasuki Australia pada 16 Disember 1996 serta gagal mengisytiharkan wang tunai lebih A\$1.2 juta (RM2.9 juta) ketika mahu berlepas ke New Zealand, enam hari kemudian.

Menjawab soalan lain, Sabbaruddin berkata Muhammad tidak akan hadir di mesyuarat MT pada 8 Jun ini kerana masih bercuti.

Dalam perkembangan lain, Sabbaruddin berkata Jawatankuasa Pengurusan juga akan mencadangkan kepada MT supaya mengambil tindakan sewajarnya ke atas 11 ahli Umno Sabah yang dilaporkan terbabit dengan Parti Bersekutu dan Parti Bersatu Sabah.

(END)